



17-22 SEPTEMBER 2018  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
[www.cepsi2018kl.org](http://www.cepsi2018kl.org)



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/05/33 (HQ)

### PRU 14: BEKALAN ELEKTRIK TERATUR KECUALI DI BEBERAPA TEMPAT

Bekalan Elektrik di lebih 6,000 Pusat Pengundian secara keseluruhannya teratur kecuali di beberapa tempat, di mana kebanyakannya disebabkan masalah pendawaian dalaman.

Pemulihan bekalan elektrik di pusat-pusat yang mengalami masalah pendawaian dalaman diuruskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Hanya empat daripada lebih 6,000 Pusat Mengundi mengalami gangguan berpunca daripada bekalan TNB. TNB telah dapat memulihkan bekalan dalam tempoh lebih kurang sejam.

Pusat mengundi yang terlibat adalah SJK (Tamil) Raja Muda Musa, Pandamaran; Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Klang, Selangor (4:40 petang hingga 5:51 petang); SK Taman Bersatu, Alor Setar, Kedah (7:07 malam hingga 7:58 malam) dan pusat mengundi di SRA Bandar Melawati, Selangor (7:25 malam hingga 8.32 malam).

Bekalan elektrik kepada semua Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU) dalam keadaan baik dan tiada gangguan bekalan. Pasukan petugas TNB masih terus memantau keadaan bagi memastikan bekalan kekal stabil.

Sebanyak 165 set janakuasa bergerak (*mobile*) juga telah ditempatkan di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi, sementara 240 unit janakuasa mudah alih (*portable*) pula akan digunakan di pusat-pusat tertentu atas dasar keperluan setempat.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 9 Mei 2018, 11.25 malam**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:*

*Perhubungan Media (TNB) - Nor Hanim Idris | Tel: 019-2617617 | Email: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*